

Barang tiruan RM2.46 juta dilupus



Muhamad Zikril (dua dari kanan) ketika program pelupusan barang tiruan di stor penyimpanan ekshibit Selangor di Bukit Raja, Selangor semalam.

*Melibatkan 173 kes
sejak Januari 2019
sehingga Oktober*

MUHAMMAD AFHAM RAMLI

SHAH ALAM

Kementerian Perdagangan Dalam Negeri dan Hal Ehwal Pengguna (KPDNHEP) Selangor melupuskan pelbagai barangan tiruan yang menggunakan jenama popular bernilai RM2.46 juta.

Pengarah KPDNHEP Selangor, Muhamad Zikril Azan Ab-

dullah berkata, nilai tersebut membabitkan 173 kes sejak Januari lalu sehingga Oktober ini yang disiasat mengikut Akta Kawalan Bekalan 1961, Akta Perihal Dagangan 2011, Akta Hak Cipta 1987 dan Akta Jualan Langsung dan Skim Anti Piramid 1993.

"Ini adalah pelupusan ke-10 yang dilakukan pada tahun ini melibatkan 12 kes dengan nilai mencecah RM442,643.

"Kesemua kes terbabit selesai menjalani proses mahkamah dan mendapat kebenaran untuk dilupuskan selepas mendapat perintah kebenaran pelupusan daripada mahkamah atau pengawal akta," katanya kepada *Sinar Harian* di sini semalam.

Program pelupusan barang

kes itu dilaksanakan di stor penyimpanan ekshibit Selangor di Bukit Raja dan turut dihadiri oleh Ketua Pegawai Penguatkuasa Negeri, Azizan Abdullah.

Beliau berkata, antara barang tiruan yang dilupuskan pada kali ini ialah beg tangan, dompet, tali pinggang, kasut, selipar, jersi, jam tangan, arak dan lain-lain.

Katanya, pihaknya memberi amaran kepada mana-mana peniaga untuk tidak terlibat menjual barangan tiruan bagi mengelak tindakan tegas dikenakan.

"Pengguna juga dinasihatkan supaya tidak membeli barang tiruan kerana selain produk yang kurang berkualiti, ia juga sebagai inisiatif melindungi harta intelek pemilik asal cap dagang," katanya.